

PLASTIK

Ancaman Kepada Kesihatan Manusia dan Persekitaran



**BAHAN KIMIA
TOKSIK DALAM
PLASTIK
KITAR SEMULA**

**PETUA UNTUK
MENGURANGKAN
PENGUNAAN
PLASTIK**

**KE ARAH
PERJANJIAN
PLASTIK
GLOBAL**

Tapak pelupusan
plastik dan sisa
elektronik terbuka
di Pulau Indah,
Malaysia.



**PENERBIT**

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)
10 Jalan Masjid Negeri
11600 Pulau Pinang
Malaysia

Tel: 04-8299511

E-mel: consumerofpenang@gmail.com

Laman Sesawang: www.consumer.org.my

PENCETAK

Super Sonic Printing Sdn Bhd
No. 67 Jalan Patani, 10150 Pulau Pinang

KANDUNGAN

Katakan Tidak Pada Plastik: Bagaimana Plastik Memudaratkan Kesihatan Manusia & Planet	4
Plastik Tidak Hilang	8
Pencemaran Plastik yang Berterusan: Ekosistem Terancam - Hidupan Liar, Tanah dan Iklim Berisiko	10
Mengapa Anda Perlu Risau tentang BPA	12
Memahami PFAS: Kesan Terhadap Kesihatan Manusia dan Alam Sekitar	15
Kalis Api Berbromin: Selamat atau Berbahaya?	18
Bahan Kimia Toksik dalam Pelet Plastik Kitar Semula	21
Ancaman Mikroplastik yang Semakin Meningkat kepada Kesihatan Manusia dan Ekosistem Marin	23
Masa untuk Tamatkan 'Penjajahan Sisa' Melalui Perjanjian Plastik Global	25
Bebas daripada Plastik: Panduan Mudah untuk Mengurangkan Pendedahan Terhadap Toksin	29
Isu Utama Untuk INC-5	32

KATAKAN TIDAK PADA PLASTIK

Bagaimana Plastik Memudaratkan
Kesehatan Manusia & Planet



PLASTIK ADALAH TOKSIK

Memudaratkan Manusia & Planet



PLASTIK IALAH ISTILAH umum bagi pelbagai jenis bahan sintetik atau separa sintetik yang digunakan dalam rangkaian produk yang besar dan berkembang di dalam kehidupan seharian kita, daripada botol air pakai buang dan pembungkusan kepada mainan, tekstil dan beratus-ratus barangan biasa yang lain.

Walaupun plastik wujud di mana-mana, ia adalah ancaman kepada manusia dan kesihatan serta alam sekitar. Plastik diperbuat daripada bahan kimia yang diperolehi daripada bahan api fosil termasuk gas asli dan minyak mentah.

Di seluruh dunia, lebih daripada 300 juta tan plastik dihasilkan setiap tahun dan separuh daripadanya adalah plastik sekali guna (contohnya botol air dan soda, beg barangan runcit plastik, pembungkusan produk, penyedut minuman, cawan kopi dan banyak lagi). Menghasilkan plastik ini mengeluarkan sejumlah besar gas rumah hijau yang menyumbang kepada perubahan iklim dan bahan kimia toksik yang mengancam kesihatan kita.

Daripada pengeluaran kepada pelupusan, plastik mendatangkan malapetaka kepada kesihatan manusia, tumbuhan dan haiwan serta menyebabkan sejumlah besar sisa dalam ekosistem kita, menyumbat tanah, udara dan laluan air kita. Pencemaran plastik khususnya menimbulkan ancaman serius kepada semua kehidupan di bumi ini kerana sifat toksik bahan kimia yang digunakan dan dicipta semasa proses pengeluaran dan sepanjang kitaran hayatnya. Penyelidikan terkini mendedahkan plastik boleh memasuki ke dalam aliran darah manusia, kekal berada di dalam tubuh kita sehingga ke hari kematian kita. (Hari Bumi, 2023)

Berikut adalah bagaimana cara plastik mendatangkan malapetaka kepada manusia dan alam sekitar.

MENCEMARKAN ALAM SEKITAR KITA

Plastik tidak terurai, tetapi ia boleh pecah, menghasilkan kepingan plastik kecil (dipanggil mikroplastik atau nanoplastik) yang kekal sebagai bahan pencemar kekal di dalam alam sekitar. Makro dan mikroplastik memberi kesan kepada kesihatan dan mengancam lautan dan hidupan liar. Setiap kepingan plastik yang pernah dicipta kekal sebagai masalah pencemaran di lautan dan laluan air, di tapak pelupusan sampah dan di seluruh alam sekitar. Plastik yang dibakar menghasilkan pencemaran udara yang sangat toksik dan sisa pepejal berbahaya yang kekal sebagai masalah pelupusan toksik.

Kira-kira 500 bilion cawan pakai buang plastik digunakan setiap tahun di seluruh dunia. Dianggarkan 1.3 bilion botol plastik digunakan setiap hari di seluruh dunia iaitu kira-kira 1 juta seminit. Kita menggunakan 5 trilion beg plastik setahun iaitu 160,000 sesaat! Dan berdasarkan angka ekstrapolasi terdapat 437 juta hingga 8.3 bilion penyedut minuman plastik di pantai dunia.

Plastik sekali guna seperti yang dinyatakan di atas dihasilkan untuk kekal selama-lamanya, namun ia sering digunakan untuk beberapa minit sahaja, sebelum dibuang dan ini mewujudkan pencemaran jangka panjang. Contohnya, ia mengambil masa sehingga 1,000 tahun untuk beg plastik terurai. Secara purata, beg belah plastik digunakan bagi selama 12 minit sahaja. Penggunaan 12 minit itu mengakibatkan 1,000 tahun pencemaran!

Sejak 1950, lebih 8 bilion tan plastik dihasilkan. Hanya kira-kira 30% daripada plastik ini masih digunakan iaitu 12% diinsinerasi, 9% dikitar semula dan 79% berakhir di tapak pelupusan sampah dan alam sekitar. Dianggarkan 75 hingga 199 juta tan plastik kini berada di lautan kita.

TOKSIK & BERBAHAYA

Saintis telah menyusun senarai lebih 16,000 bahan kimia yang digunakan dalam atau dikaitkan dengan pengeluaran, penggunaan dan pelupusan plastik dan mendapati bahawa lebih daripada 4,000 bahan kimia ini diketahui berbahaya kepada kesihatan manusia dan alam sekitar.

Produk dan bahan plastik diperbuat daripada polimer dan bahan tambahan kimia yang tidak terikat pada plastik dan boleh melarut resap semasa digunakan dan dilupuskan. Bahan toksik atau berpotensi toksik lain juga seperti monomer, juga boleh melarut resap daripada plastik (contohnya, stirena, karsinogen yang diketahui, boleh melarut resap daripada polistirena). Kebanyakan bahan kimia ini dilepaskan pada peringkat yang berbeza dalam kitaran hayat plastik. Ini adalah benar juga bagi plastik berasaskan bio yang boleh menjadi toksik seperti yang berasaskan bahan api fosil.

Banyak bahan kimia yang dilepaskan sepanjang kitaran hayat plastik adalah berbahaya dan menunjukkan boleh mendedahkan ancaman kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. Bukti menunjukkan bahawa kita sudah pun melihat masalah kesihatan dan alam sekitar yang serius daripada pendedahan bahan kimia berbahaya daripada plastik. (Endocrine Society)

BANYAK KESAN KESIHATAN

Kebanyakan keluarga bahan kimia terbesar dan paling berbahaya termasuk logam berat, bahan kalis api, ftalat, bisfenol dan sebatian berfluorinasi dikaitkan secara langsung dengan plastik.

Plastik mewakili set sebatian yang sangat pelbagai, daripada salutan dan resin yang digunakan dalam pembinaan dan industri, kepada tekstil sintetik yang membentuk pakaian kita, kepada butiran getah yang dikitar semula daripada tayar yang berakhir di padang bola sepak yang dimainkan oleh anak-anak kita. Kita menelan atau menyedut bahan ini setiap hari. Bahan

kimia toksik seperti ftalat dan Bisphenol A (BPA) terdapat dalam bungkus makanan plastik. Ini dan banyak lagi bahan kimia lain dalam plastik mempunyai kesan yang serius terhadap kesihatan kita.

Plastik yang mengandungi bahan kimia pengganggu endokrin (EDC) digunakan secara meluas dalam pembungkusan, pembinaan, lantai, pengeluaran dan pembungkusan makanan, peralatan memasak, penjagaan kesihatan, alat mainan kanak-kanak, barangan riadah, perabot, peralatan elektronik rumah, tekstil, kereta dan kosmetik. EDC yang diketahui melarut resap daripada plastik dan mengancam kesihatan termasuk BPA dan bahan kimia yang berkaitan, bahan kalis api, ftalat, bahan per- dan polyfluoroalkyl (PFAS), dioksin, penstabil UV dan logam toksik seperti plumbum dan kadmium. (Endocrine Society)

EDC ialah bahan kimia yang mengganggu sistem hormon tubuh dan boleh menyebabkan kanser, kencing manis, gangguan pembiakan dan gangguan saraf bagi perkembangan janin dan kanak-kanak. Pendedahan EDC adalah masalah sejagat. Ujian sampel manusia secara konsisten menunjukkan hampir semua orang mempunyai EDC dalam tubuh mereka. (Endocrine Society)

MIKROPLASTIK ANCAMAN YANG MEMBIMBANGKAN

Apabila barangan plastik rosak, ia mengeluarkan mikroplastik, iaitu serpihan kecil yang berdiameter kurang daripada 5 mm. Dan terdapat zarah yang lebih kecil dipanggil nanoplastik (kurang daripada 1 µm diameter).

Hari ini mikroplastik telah menyusup ke setiap aspek kehidupan kita iaitu daripada udara yang kita sedut hinggalah kepada makanan yang kita makan. Ia berada di dalam alam sekitar dan tubuh manusia. Terdapat mikroplastik dalam air botol, makanan laut dan habuk isi

**JIKA BEKAS PLASTIK RACUN
MAKHLUK PEROSAK DIKITAR
SEMULA, RACUN MAKHLUK
PEROSAK TOKSIK BOLEH
BERAKHIR DI DALAM BAHAN
KITAR SEMULA. PROSES KITAR
SEMULA PLASTIK JUGA BOLEH
MENCIPTA BAHAN TOKSIK
BAHARU, MENAMBAHKAN
LEBIH BANYAK BAHAN KIMIA
KEPADA PLASTIK KITAR
SEMULA.**

rumah. Ia juga ditemui di dalam organ manusia dan di dalam plasenta bayi yang belum lahir.

Penemuan dan statistik amat membimbangkan. Mikroplastik ditemui di dalam segala-galanya daripada garam dan madu kepada epal, timun dan kentang. Purata liter air botol mengandungi hampir suku juta serpihan nanoplastik. Purata seseorang itu boleh memakan sehingga 5 gram plastik seminggu.

Mikroplastik mendedahkan risiko kesihatan yang berpotensi termasuk keradangan, tekanan oksidatif dan kerosakan sel. Ia juga dikaitkan dengan kerosakan hati, masalah pernafasan dan gangguan endokrin. Dan kajian terbaharu mengaitkan ia dengan risiko serangan jantung dan strok yang lebih besar.

EKSPORT SISA PLASTIK MENIMBULKAN RISIKO KESIHATAN

Negara kaya mengeksport sampah plastik ke negara membangun dalam bentuk kitar semula. Kebanyakan plastik yang dihasilkan adalah sekali guna dan mempunyai sedikit atau tiada nilai kitar semula. Sisa plastik dari negara maju ini termasuklah bahan yang dianggap “boleh dikitar semula” telah dihantar dan dibuang di negara membangun seperti Malaysia.

Dilaporkan bahawa Amerika Syarikat (AS), Kanada dan Kesatuan Eropah (EU) telah memungkah ratusan juta tan sisa plastik ke negara lain, di mana kebanyakannya mungkin dibuang, dibakar atau dibuang ke dalam alam sekitar.

Kebanyakan negara membangun tidak mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk menguruskan kemasukan plastik, memaksa pekerja tempatan menimbun sampah atau membakarnya. Ini mempunyai kesan kesihatan yang besar, kerana bahan buangan selalunya mengandungi toksin yang boleh mengubah perkembangan saraf, endokrin dan fungsi pembiakan.

Apabila bahan buangan dibakar, wasap toksik menyebabkan masalah pernafasan dan penyakit lain dalam komuniti kejiranan. Memandangkan amalan itu terletak di sekitar komuniti yang paling rentan, merekalah yang paling banyak mengalami kesukaran bernafas, asma, masalah kulit, pelbagai jenis kanser dan penyakit kronik yang lain.

PLASTIK KITAR SEMULA MENGANDUNGI BAHAN KIMIA BERBAHAYA

Plastik dibuat dengan bahan kimia toksik. Apabila plastik dikitar semula, bahan kimia ini berakhir di dalam bahan kitar semula. Plastik kitar semula juga boleh mengandungi bahan cemar kimia daripada cara penggunaan plastik asal. Contohnya, jika bekas plastik racun makhluk perosak dikitar semula, racun makhluk perosak toksik boleh berakhir di dalam bahan kitar semula. Proses kitar

PURATA LITER AIR BOTOL MENGANDUNGI HAMPIR SUKU JUTA SERPIHAN NANOPLASTIK. PURATA SESEORANG ITU BOLEH MEMAKAN SEHINGGA 5 GRAM PLASTIK SEMINGGU.

semula plastik juga boleh mencipta bahan toksik baharu, menambahkan lebih banyak bahan kimia kepada plastik kitar semula.

Data yang diterbitkan baru-baru ini dari 13 negara, termasuk Malaysia, mengenal pasti hampir 500 bahan kimia dalam pelet plastik kitar semula, termasuk racun makhluk perosak, bahan kimia industri, PCB dan bahan toksik lain. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) adalah antara kumpulan berkepentingan awam di 123 negara yang menyerahkan sampel plastik kitar semula bagi ujian dalam projek ujian yang diterajui oleh IPEN. Ujian itu dijalankan oleh sekumpulan saintis di Sweden, Jerman dan Denmark. Hasilnya: Sebanyak 123 bahan kimia dikesan dalam dua sampel pelet plastik (iaitu plastik kitar semula) dari Malaysia yang telah dianalisis. Pelet itu diperolehi daripada syarikat kitar semula plastik di Pulau Pinang.

Data baharu itu menambah kepada bukti yang semakin

meningkat bahawa kitar semula plastik adalah vektor bagi penyebaran bahan kimia toksik dan oleh sebab itu tidak boleh dianggap sebagai alat yang berguna dalam perjuangan untuk menamatkan ancaman kesihatan dan alam sekitar daripada plastik.

Pekerja di kemudahan kitar semula plastik, pengguna yang menggunakan produk plastik kitar semula, pekerja sampah yang mengendalikan plastik kitar semula dan komuniti yang berhampiran operasi sisa dan kitar semula semuanya berisiko daripada terdedah kepada bahan kimia toksik.

Pada masa ini, tiada keperluan antarabangsa untuk memantau bahan kimia dalam plastik kitar semula atau menjadikan kandungan bahan kimia produk dan bahan plastik tersedia dan boleh diakses secara umum. Ini bermakna penyebaran bahan kimia daripada plastik kitar semula pada masa ini tidak dapat dikesan dan tidak dapat dikawal.

MASA UNTUK HENTIKAN PENGELUARAN PLASTIK

Kitar semula bukanlah penyelesaian kepada masalah plastik toksik. Kita tidak boleh mengitar semula sebagai jalan keluar daripada krisis plastik. Seperti yang dikatakan oleh Majlis Sumber Negara AS (US NRC), kitar semula tidak menyelesaikan fakta bahawa plastik diperbuat daripada dan mengandungi bahan kimia toksik dan bahan sumber yang tidak boleh diperbaharui, serta menyebarkan mikroplastik. (<https://www.nrdc.org/.../what-you-need-know-about-plastic...>)

Kajian oleh IPEN dan lain-lain (<https://www.greenpeace.org/usa/reports/forever-toxic/>) mendapati bahawa kitar semula plastik yang mengandungi bahan kimia berbahaya mewujudkan lingkaran toksik yang memperkenalkan semula bahan kimia berbahaya ke dalam produk baharu.

Pada 2022, negara bersetuju untuk memulakan rundingan Perjanjian Plastik Global untuk mengurangkan pencemaran plastik bagi melindungi manusia dan alam sekitar. Perjanjian Plastik baharu ini akan menjadi instrumen penting untuk menangani

bahan kimia toksik dalam plastik dalam pelbagai cara. Rundingan akhir bagi perjanjian yang mengikat secara sah ini dijadualkan pada November 2024 di Busan, Korea Selatan. Marilah kita berharap bahawa ini akan menjadi perjanjian yang benar-benar berorientasikan rakyat dan planet.

CAP menyokong tindakan tegas terhadap plastik untuk melindungi kesihatan manusia dan memelihara planet ini bagi generasi akan datang. Kami berharap perjanjian itu akan mengandungi peruntukan kukuh yang menggesa bagi penghapusan bahan kimia toksik sepanjang kitaran hayat penuh plastik; dan ia akan mewajibkan maklumat mengenai bahan kimia dalam plastik dan tersedia untuk umum.

Sementara itu, orang ramai dinasihatkan agar menghadkan penggunaan plastik sebanyak yang mungkin. Dengan mengubah beberapa tabiat kita sebagai pengguna serta menyokong perubahan dasar di peringkat tempatan dan juga antarabangsa maka kita semua boleh menjadi sebahagian daripada penyelesaian.

PLASTIK TIDAK HILANG



PLASTIK BOLEH MENGAMBIL masa beratus-ratus tahun untuk terurai, menyebabkan kerosakan yang meluas dan berpanjangan kepada ekosistem akibat pencemaran plastik. Untuk lebih memahami apa itu pencemaran plastik, seseorang itu mestilah memahami apa itu plastik: bahan yang diperbuat daripada karbon (bahan api fosil) dan bahan kimia. Plastik bukanlah bahan lengai yang selamat, sebaliknya merupakan kumpulan campuran yang kompleks daripada puluhan ribu bahan kimia, yang kebanyakannya beracun. Lebih daripada 10,000 bahan kimia dalam plastik telah dikenal pasti dan data mengenai lebih daripada 2,400 daripada bahan kimia ini telah dikenalpasti sebagai bahan yang membimbangkan (terdapat data bahaya yang tidak lengkap atau tiada data mengenai ratusan bahan kimia plastik yang lain).

4 SEBAB MENGAPA PLASTIK MENGAMBIL MASA BERTAHUN UNTUK TERURAI

1. SIFAT PLASTIK YANG TAHAN LAMA: Kunci kepada daya tahan plastik terletak pada struktur molekulnya. Plastik terdiri daripada rantai panjang polimer sintetik yang diperoleh daripada petrokimia. Polimer ini direka bentuk untuk menahan degradasi fizikal, kimia dan biologi, memastikan jangka hayat dan kestabilan bahan. Walaupun ketahanan ini berfaedah untuk penggunaan produk, sifat tahan lama ini menimbulkan cabaran besar bagi pengurusan sisa dan pemeliharaan alam sekitar.

2. FRAGMENTASI DAN MIKROPLASTIK: Walaupun plastik tidak terurai dengan cepat, ia melalui proses degradasi fizikal seperti fotodegradasi dan lelasan mekanikal. Fotodegradasi berlaku apabila plastik terdedah kepada sinar matahari, menyebabkan ikatan dalam polimer terurai dari semasa ke semasa. Proses ini membawa kepada pembentukan serpihan plastik yang lebih kecil, atau mikroplastik. Lelasan mekanikal, yang disebabkan oleh angin, air dan daya fizikal, selanjutnya memecahkan serpihan ini. Walau bagaimanapun, proses ini tidak menghapuskan plastik; ia hanya mengubahnya menjadi kepingan yang lebih kecil yang terus kekal dalam persekitaran.

3. KEADAAN ALAM SEKITAR DAN KADAR TERURAIAN: Kadar teruraian plastik dipengaruhi oleh keadaan persekitaran. Di tapak pelupusan, di mana banyak plastik berada, kekurangan cahaya matahari, oksigen dan aktiviti mikrob memperlambatkan proses degradasi dengan lebih lanjut. Di persekitaran akuatik, di mana plastik sering terdedah kepada sinaran UV dan daya

KETAHANAN YANG MENJADIKAN PLASTIK BAHAN YANG SERBA BOLEH JUGA MEMASTIKAN KEWUJUDANNYA DALAM ALAM SEKITAR, MENYEBABKAN PENCEMARAN YANG BOLEH BERTAHAN SELAMA BERABAD-ABAD.

fizikal, pecahan kepada mikroplastik mungkin berlaku dengan lebih cepat, tetapi penguraian lengkap serpihan ini masih memerlukan ratusan tahun. Kehadiran bahan tambahan tertentu, seperti penstabil UV, juga boleh memperlambatkan proses degradasi dengan melindungi plastik daripada cahaya matahari.

4. KEKURANGAN LALUAN PENGURAIAN SEMULA JADI: Tidak seperti bahan organik, yang boleh dipecahkan oleh mikroorganisma kepada bahan yang lebih ringkas yang boleh diserap semula ke dalam ekosistem, plastik tidak mempunyai pengurai semula jadi. Bakteria dan kulat yang menguraikan bahan organik tidak dapat memecahkan polimer sintetik dalam plastik dengan berkesan. Akibatnya, plastik kekal dalam persekitaran selama berabad-abad, secara beransur-ansur berpecah kepada kepingan yang lebih kecil yang dikenali sebagai mikroplastik tetapi tidak reput sepenuhnya.

Penguraian plastik adalah proses yang panjang dan rumit, mengambil masa beratus-ratus tahun dengan implikasi alam sekitar yang mendalam. Ketahanan yang menjadikan plastik bahan yang serba boleh juga memastikan kewujudannya dalam alam sekitar, menyebabkan pencemaran yang boleh bertahan selama berabad-abad. Dengan memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada kewujudan plastik, kita dapat menangani isu alam sekitar ini dengan lebih baik melalui usaha bersama dalam mengurangkan penggunaan plastik, meningkatkan pengurusan sisa dan memajukan alternatif yang mampan. Masa depan planet kita bergantung pada keupayaan kita untuk mengurangkan kesan pencemaran plastik dan bergerak ke arah amalan yang lebih mampan.

PENCEMARAN

PENCEMARAN PLASTIK TELAH menjadi isu alam sekitar yang merebak dengan akibat yang serius terhadap hidupan liar, tanah, air tanah dan akhirnya, perubahan iklim. Ketahanan dan penggunaan plastik yang meluas bermakna ia kekal dalam alam sekitar selama berabad-abad, menyebabkan kemudaratan pada pelbagai peringkat.

Kesan sisa plastik terhadap hidupan liar adalah mendalam dan dalam pelbagai rupa. Haiwan sering menganggap serpihan plastik sebagai makanan yang menyebabkan kecederaan dalaman, penyumbatan dan juga kematian. Sebagai contoh, penyu laut sering makan beg

**EKOSISTEM
TERANCAM:
HIDUPAN LIAR,
TANAH DAN
IKLIM BERISIKO**

PLASTIK YANG BERTERUSAN





plastik menganggapnya sebagai obor-obor. Tambahan pula, bahan kimia toksik terlarut daripada sisa plastik atau pelet plastik apabila bahan ini terurai di pantai atau di dalam air. Haiwan marin termakan bahan kimia apabila ia salah sangka mikroplastik sebagai makanan. Kajian pada 2020 mengenai “Mikroplastik: ancaman yang semakin meningkat terhadap keselamatan makanan dan kesihatan manusia” mencatatkan ancaman besar kepada hidupan akuatik akibat penyaliran bahan kimia toksik dari mikroplastik kepada sumber makanan marin. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pengurangan potensi populasi spesies makanan laut akibat bahan kimia dalam mikroplastik boleh mengancam ketersediaan makanan laut, terutama di kawasan yang bergantung kepada perikanan untuk makanan.

Satu lagi isu kritikal adalah haiwan yang terperangkap. Makhluk marin seperti anjing laut, ikan lumba-lumba dan burung boleh terperangkap dalam jaring pancing yang dibuang, gelang plastik dan serpihan lain, yang boleh menyebabkan kecederaan, lemas atau gangguan mobiliti.

Kerosakan fizikal ini diperburukkan lagi oleh bahan pencemar kimia yang dilepaskan oleh plastik. Plastik sering mengandungi bahan tambahan toksik seperti bisphenol A (BPA) dan ftalat yang meresap ke dalam air dan diserap oleh hidupan marin, mengganggu sistem endokrin dan mempengaruhi pembiakan serta perkembangan hidupan ini.

Plastik juga memberi kesan mendalam kepada persekitaran daratan. Apabila sisa plastik dilupuskan secara tidak betul di darat, ia terurai dengan perlahan, melarutkan bahan kimia toksik ke dalam tanah. Bahan kimia ini, termasuk BPA dan ftalat boleh mengubah komposisi tanah dan mengancam mikroorganisma yang penting untuk kesuburan tanah. Kehadiran mikroplastik dalam tanah juga boleh menghalang pertumbuhan tumbuhan dengan mempengaruhi pengkalan air dan ketersediaan nutrien. Apabila plastik merosot, ia boleh

menyusup ke dalam sistem air bawah tanah, membawa bahan berbahaya bersamanya. Pencemaran air bawah tanah adalah satu kebimbangan besar kerana ia menjejaskan bekalan air minuman bagi manusia dan haiwan. Pelepasan bahan kimia toksik daripada plastik ke dalam air bawah tanah boleh menyebabkan masalah kesihatan yang serius termasuk gangguan endokrin, masalah reproduktif dan peningkatan risiko barah.

Pengeluaran, penggunaan dan pelupusan plastik menyumbang kepada perubahan iklim dalam beberapa cara. Kebanyakan plastik diperbuat daripada bahan api fosil dan aktiviti pengekstrakan serta

pemprosesan bahan-bahan ini membebaskan sejumlah besar gas rumah hijau. Contohnya, pengeluaran polietilena, salah satu plastik yang paling biasa digunakan, melibatkan pelepasan karbon dioksida (CO₂) dan metana (CH₄), kedua-duanya merupakan gas rumah hijau yang kuat.

Tambahan lagi, apabila plastik terurai, ia berterusan mengeluarkan gas rumah hijau. Pada tahun 2018, satu pasukan penyelidik dari Universiti Hawaii mendedahkan melalui kajian mereka bahawa plastik yang terdedah kepada cahaya matahari membebaskan metana dan etilena yang memperburukkan lagi pemanasan global. Pembakaran plastik juga membebaskan CO₂ dan bahan pencemar berbahaya lain ke atmosfera, menyumbang kepada pencemaran udara dan perubahan iklim.

Pencemaran plastik di lautan secara tidak langsung boleh menjejaskan iklim dengan mengganggu ekosistem marin yang memainkan peranan penting dalam penyerapan karbon. Organisma marin seperti plankton menyerap CO₂ semasa fotosintesis, dan apabila ia mati, ia tenggelam ke dasar laut, menyerap karbon. Pengambilan mikroplastik oleh organisma ini boleh menjejaskan kesihatan dan mengurangkan keupayaannya untuk menyerap karbon dengan efektif, dengan demikian melemahkan penampungan semula jadi terhadap perubahan iklim.

Pembakaran terbuka dan pembakaran sisa plastik melepaskan dioksin dan bahan kimia toksik lain ke udara serta menghasilkan abu dan sisa berbahaya yang lazimnya dibuang atau dilupuskan, menyumbang kepada penyebaran bahan kimia yang bertoksik tinggi pada alam sekitar. Bahan tambahan plastik yang bertoksik dalam sisa pepejal boleh meresap keluar dan mencemari rantaian makanan serta saliran air di sekeliling.

Penyelesaian utama untuk menangani kesan plastik adalah mengurangkan pengeluaran dan melarang penggunaan dan penambahan bahan kimia berbahaya.

MENGAPA ANDA PERLU RISAU TENTANG BPA?



Bekas makanan



Botol plastik



Produk kanak-kanak



Resit kedai



Makanan dalam tin

BISPHENOL A (BPA) adalah bahan kimia sintetik yang digunakan dalam pelbagai produk seperti cat epoksi dan gam, lapisan dalam tin makanan serta resit kertas haba. BPA juga digunakan sebagai blok binaan dalam plastik polikarbonat yang boleh digunakan untuk membuat bekas makanan dan botol bayi, walaupun BPA diketahui sebagai bahan kimia yang mengganggu sistem endokrin (EDC).

Kebimbangan tentang kesan BPA terhadap kesihatan telah dibangkitkan, terutamanya mengenai kesannya terhadap janin, bayi dan kanak-kanak. Kajian menunjukkan bahawa pendedahan kepada BPA boleh mempengaruhi perkembangan otak dan kelenjar prostat pada janin, bayi dan kanak-kanak.

Pendedahan kepada BPA juga dikaitkan dengan perubahan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak. Ini termasuklah tindak balas yang berubah terhadap rangsangan persekitaran, peningkatan kebimbangan dan hiperaktif. Kesan tingkah laku sebegini dipercayai berpunca daripada gangguan BPA terhadap perkembangan otak yang normal semasa tempoh pertumbuhan kritikal.

Tambahan pula, pendedahan kepada BPA dikaitkan dengan pelbagai kesan neurologi lain termasuk mengganggu fungsi yang penting bagi pembelajaran dan ingatan. Pendedahan jangka panjang kepada BPA mungkin meningkatkan risiko mengalami gangguan perkembangan saraf.

Kajian juga mencadangkan bahawa pendedahan kepada BPA mungkin menyumbang kepada penyakit kardiovaskular, diabetes jenis 2 dan tekanan darah tinggi. Keupayaan BPA untuk mengganggu fungsi endokrin boleh menyebabkan perubahan metabolik yang meningkatkan risiko keadaan ini. Contohnya, BPA didapati mempengaruhi pengawalan tekanan darah dan rintangan insulin yang merupakan faktor penting dalam kesihatan kardiovaskular dan metabolik.

BPA DIHADKAN DI BEBERAPA NEGARA, TERMASUK MALAYSIA

Kebimbangan mengenai kesihatan dan alam sekitar mendorong banyak negara untuk mengehadkan penggunaan BPA dalam botol susu bayi dan barangan lain yang bersentuhan dengan makanan kanak-kanak atau dimasukkan ke dalam mulut kanak-kanak.

Di Malaysia, menurut Peraturan 27A Peraturan-Peraturan Makanan 1985:

- (1) Tiada seorang pun boleh mengimport, mengilang atau mengiklankan untuk jualan atau menjual apa-apa botol susu yang mengandungi Bisphenol A (BPA).
- (2) perkataan “bebas BPA” boleh dilabelkan pada botol

susu atau bungkusan botol susu yang tidak mengandungi Bisphenol A (BPA).

Di Kesatuan Eropah (EU), BPA diharamkan daripada digunakan dalam botol bayi pada tahun 2011, berdasarkan bukti bahawa sistem metabolik bayi lebih rentan daripada sistem metabolik orang dewasa. EU juga mengenakan had maksimum pemindahan BPA daripada bahan sentuhan makanan ke dalam makanan. Tambahan pula, BPA disenaraikan sebagai “bahan yang sangat membimbangkan” kerana sifatnya yang mengganggu endokrin bagi kesihatan manusia dan alam sekitar.

Di China, BPA dilarang dalam botol susu bayi polikarbonat dan botol susu bayi yang lain sejak 2011. Di Indonesia, kepekatan BPA yang dibenarkan dalam bahan sentuhan makanan tidak boleh lebih tinggi daripada 600 µg/kg.

BPA DALAM PRODUK KANAK-KANAK

Dalam kajian oleh IPEN, BPA didapati hadir dalam produk kanak-kanak di pelbagai negara, termasuk Malaysia.

78% sampel mengandungi BPA: 76 daripada 98 sampel yang dianalisis mengandungi BPA melebihi had kuantifikasi (LOQ). Sampel yang dikumpul dari Bangladesh, Bhutan, Malaysia, Sri Lanka, Tanzania, China, Indonesia dan Rusia termasuk botol susu bayi dan barangan lain yang bersentuhan dengan makanan atau mulut kanak-kanak yang ditandakan diperbuat daripada polikarbonat, polipropilena, gabungan kedua-dua bahan itu atau silikon.

BPA dikesan dalam kesemua 9 sampel botol polikarbonat dari Malaysia yang diuji. Jumlah BPA yang dikesan dalam sampel dari Malaysia adalah antara 0.3 – 5.8 ppb (bahagian per bilion).

Pelabelan tidak tepat: 14 daripada 23 (61%) produk telah dilabel “Bebas BPA” atau “0% BPA” walaupun ia mengandungi BPA. Satu botol susu bayi (“Botol susu Minitree Regular Neck”), dibuat di China dan dibeli di Malaysia yang mengandungi 2.6 ppb BPA telah dilabelkan “BPA-free”, maka melanggar larangan Malaysia. Jurang kawal selia di sesetengah negara mengakibatkan pengawasan yang tidak mencukupi mengenai ketepatan dakwaan “Bebas BPA”. Dalam kes tertentu, pengeluar mungkin sengaja menyalahlabelkan produk untuk memenuhi permintaan pengguna bagi mendapatkan produk yang lebih selamat dan tidak toksik.

PELANGGARAN UNDANG-UNDANG

Kepentingan pematuhan kepada perundangan tidak boleh dipertikaikan. Pematuhan ketat kepada peraturan kebangsaan dan antarabangsa membantu melindungi pengguna, terutamanya penduduk yang rentan seperti bayi, daripada bahan berbahaya. Memastikan produk

memenuhi piawai kawal selia akan mengekalkan integriti dan kepercayaan kepada pasaran. Label yang tidak tepat dan pelanggaran peraturan boleh menjejaskan keyakinan pengguna dan menimbulkan risiko kesihatan yang ketara.

Status undang-undang sampel lain: Dua botol susu bayi yang dibuat di India, kedua-duanya tidak mematuhi undang-undang India telah dipasarkan di Bhutan. Penggunaan BPA dalam botol susu bayi dilarang mengikut IS 14625:2015 oleh Biro Piawai India (BIS) (2015).

Status undang-undang BPA dalam pelbagai produk bergantung kepada peraturan serantau. Sampel yang mengandungi BPA melebihi had pengesanan (LOQ) mungkin masih sah jika mematuhi kepekatan nilai ambang tertentu yang ditetapkan oleh rantau yang berbeza. Barangan yang tidak dirangkumi oleh peraturan BPA, seperti beberapa mainan atau produk industri, kekal sah walaupun mengandungi BPA. Tambahan pula, rantau yang tidak mempunyai undang-undang khusus mengenai BPA membenarkan produk dengan BPA melebihi LOQ dijual secara sah, menyerlahkan lagi keperluan bagi peraturan global yang lebih komprehensif.

KEPEKATAN BPA TERTINGGI

BPA boleh diekstrak: Ini merujuk kepada jumlah BPA yang boleh diekstrak daripada produk di bawah keadaan tertentu. Kepekatan BPA boleh diekstrak yang tertinggi direkodkan ialah 50,292 ng/L, ditemui dalam sampel dari China. Kepekatan tinggi ini menunjukkan jumlah BPA yang ketara dalam produk yang boleh menimbulkan risiko kesihatan jika produk itu digunakan atau dimakan.


BPA larut resap: Ini mengukur jumlah BPA yang melarut resap daripada produk ke dalam perantara lain, seperti makanan atau minuman. Kepekatan BPA melarut resap tertinggi yang ditemui ialah 12 µg/kg dalam botol bayi dari Bangladesh. Paras BPA yang melarut resap ini amat membimbangkan, terutamanya bagi produk yang digunakan oleh bayi, memandangkan pendedahan berpanjangan kepada BPA boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan.

HARAMKAN BISPHENOL SECARA BERKUMPULAN

Adalah mengejutkan bahawa begitu banyak produk disalah-label sebagai bebas BPA. Ibu bapa yang prihatin

diperdaya untuk membeli produk yang boleh membahayakan bayi mereka. Kita memerlukan peraturan dan penguatkuasaan ketat bagi pelabelan bahan kimia beracun dalam produk pengguna. Sangat membimbangkan apabila mendapati BPA, bahan kimia toksik yang tiada paras pendedahan yang selamat dalam produk yang direka khas bagi kanak-kanak.

Kita perlu menyokong dan memastikan bahawa semua bahan kimia bisphenol diharamkan secara berkumpulan, bagi mengelakkan penggantian bahan kimia toksik dengan yang lain. Mendedahkan anak-anak kita kepada pengganggu endokrin seperti BPA akan menjejaskan perkembangan mereka dan ia perlu dielakkan dengan apa cara sekalipun.



SERUAN UNTUK BERTINDAK: BEBASKAN KANAK-KANAK DARIPADA WARISAN TOKSIK BPA

BPA DALAM PRODUK PLASTIK DARI BANGLADESH, BHUTAN, CHINA, INDONESIA, MALAYSIA, RUSIA, SRI LANKA & TANZANIA YANG BERSENTUHAN DENGAN MAKANAN ATAU DENGAN MULUT KANAK-KANAK

Februari 2022



MEMAHAMI

PFAAS

Kesan Terhadap Kesehatan
Manusia dan Alam Sekitar



APA ITU PFAS DAN DI MANA IA DIGUNAKAN?

PFAS atau bahan per- dan polifluoroalkil ialah kumpulan besar bahan kimia yang terdiri daripada lebih 4,700 bahan organik sintetik yang digunakan secara meluas dalam produk pengguna dan profesional. Kategori ini termasuk bahan kimia seperti asid perfluorooctanoic (PFOA) dan perfluorooctane sulfonate (PFOS) yang sebahagiannya telah digunakan secara komersial sejak tahun 1940-an.

PFAS ialah sebatian yang sangat stabil dan tidak banyak berinteraksi dengan bahan kimia lain, menjadikannya berguna untuk mencipta produk yang tahan minyak, kotoran, air dan haba. Disebabkan sifat-sifat ini, PFAS sering dijumpai dalam pakaian kalis air, bungkusan makanan, buih pemadam api, perkakas memasak tidak melekat dan salutan pelindung bagi permaidani dan fabrik. Walau bagaimanapun, banyak daripada kegunaan ini tidak penting dan mempunyai alternatif yang lebih selamat. Semua PFAS mengandungi ikatan kimia yang kuat yang memberikannya kestabilan tinggi dan gelaran 'Bahan Kimia Kekal'.

PFAS, ialah bahan kimia yang mempunyai ketahanan lama dalam persekitaran dan terkumpul dari semasa ke semasa. Ia dikesan di udara, tanah, air (termasuk sumber air minuman) dan habuk rumah. Kajian menunjukkan bahawa PFAS dibebaskan pada setiap peringkat kitaran hayatnya semasa pengeluaran, penggunaan dan pelupusan. PFAS boleh ditemui jauh dari kawasan asalnya. PFAS menjadi kebimbangan kesihatan yang ketara kerana ia sukar untuk diuraikan, kekal dalam persekitaran dan tubuh manusia untuk jangka masa yang panjang.

Selain itu, manusia terus-menerus terdedah kepada PFAS terutamanya melalui pengambilan makanan atau air yang tercemar, habuk, persekitaran dalaman, produk penjagaan diri dan produk pengguna. Kajian biomonitor terhadap manusia mengesan PFAS dalam susu ibu, air kencing dan darah. Hal ini kerana PFAS bercantum dengan protein bukannya lemak, kekal dalam tubuh badan dan berkumpul dalam darah, hati dan buah pinggang.

PFAS terbukti berkait dengan pelbagai kesan kesihatan negatif, termasuk kesan terhadap kesuburan, perkembangan janin dan fungsi hormon tiroid. Fungsi hormon tiroid yang normal adalah penting dalam beberapa peringkat kehidupan. Contohnya, ia merupakan faktor penting untuk perkembangan otak janin dan neonatal semasa kehamilan, serta faktor kritikal dalam pengurusan simptom menopause.

Di Malaysia, pencemaran PFAS semakin membimbangkan terutamanya di perairan pantai. Kajian pada 2011 mendapati paras PFAS yang tinggi berhampiran tambak yang menghubungkan Singapura dan Semenanjung Malaysia merentasi Selat Johor, iaitu tempat loji rawatan air sisa industri membuang sisa buangnya. Pada 2017, kajian lain mencadangkan bahawa Malaysia mungkin

MENURUT KAJIAN, LEBIH 8,000 BAHAN KIMIA SINTETIK DIGUNAKAN UNTUK MENGHASILKAN PAKAIAN, KEBANYAKANNYA DIKLASIFIKASIKAN OLEH WHO SEBAGAI SEDERHANA HINGGA SANGAT BERBAHAYA DAN DIKAITKAN DENGAN KANSER, KECACATAN KELAHIRAN DAN MASALAH REPRODUKTIF.

menjadi sumber pencemaran PFAS di Laut China Selatan.

Selain itu, satu kajian baharu dijalankan untuk menyiasat kepekatan PFAS dalam makanan rakyat Malaysia. Kira-kira 18 bahan kimia pengganggu endokrin (EDC), termasuk PFAS, bisphenol dan paraben diekstrak daripada 9 jenis sampel makanan yang berbeza untuk menentukan kekekatannya yang kemudiannya digunakan untuk menilai risiko kesihatan. Spektrometer Jisim Kromatografi Cecair (LC-MS/MS) digunakan untuk menganalisis 18 EDC daripada kategori makanan yang berbeza. Kategori makanan itu ialah makanan dalam tin, minuman dalam tin, produk tenusu, buah-buahan, sayur-sayuran, ikan, makanan laut, telur komersial dan telur konvensional. Kesemua sampel adalah berasal dari Malaysia dan dikumpulkan secara rawak dari beberapa kedai runcit dan pasar raya di kawasan Selangor antara bulan Ogos dan Oktober 2021.

Keputusan daripada analisis sampel mendedahkan bahawa telur ayam kampung mempunyai purata kepekatan tertinggi bagi jumlah PFAS (7.19 ng/g), diikuti oleh makanan dalam tin (5.18 ng/g), ikan (1.87 ng/g), buah-buahan (0.75 ng/g), makanan laut (0.73 ng/g) dan produk tenusu (0.62 ng/g), manakala PFAS tidak dikesan dalam minuman dalam tin, sayur-sayuran serta sampel telur komersial. Hampir setiap sampel makanan dalam tin mengandungi PFAS, dengan kepekatan 4-20 kali lebih tinggi daripada sampel makanan lain. Keputusan ini menekankan keperluan untuk penyiasatan lanjut mengenai sumber pencemaran PFAS dalam makanan dan

potensi risiko kesihatan kepada pengguna. Kajian itu juga memerlukan peraturan dan pemantauan yang lebih ketat untuk menghadkan pendedahan kepada bahan kimia berbahaya ini dalam bekalan makanan rakyat Malaysia.

PENEMUAN KAJIAN IPEN MENGENAI PFAS DALAM PAKAIAN

Penggunaan sebatian organik berfluorin (PFAS) adalah meluas dalam perindustrian dan domestik, termasuk tekstil. Malah, penggunaan PFAS dalam sektor tekstil menyumbang kira-kira 50% daripada jumlah penggunaan global. Pengeluar tekstil menggunakan sifat kalis minyak dan kalis air PFAS untuk menghasilkan bahan kalis kekotoran dan hujan.

Menurut kajian, lebih 8,000 bahan kimia sintetik digunakan untuk menghasilkan pakaian, kebanyakannya diklasifikasikan oleh WHO sebagai sederhana hingga sangat berbahaya dan dikaitkan dengan barah, kecacatan kelahiran dan masalah reproduktif. Antaranya ialah bahan kimia perfluorinasi (PFC), bahan yang sama digunakan dalam produk masakan Teflon dan yang memberikan kualiti fabrik tanpa seterika.

International Pollutants Elimination Network (IPEN), dengan Arnika, sebuah NGO Czech berserta pertubuhan lain bekerjasama dalam satu kajian untuk menentukan toksin yang terdapat dalam pakaian.

Dalam kajian ini, jaket dan pakaian lain yang dijual

sebagai kalis air atau kalis kotoran dibeli dari 13 buah negara di Asia, Afrika, Eropah dan Amerika Utara. Enam belas barangan pakaian diuji, termasuk apron, kemeja-T, baju renang, baju hujan, tudung dan seluar. Ujian menunjukkan bahawa 11 daripada 16 sampel (68.8%) mengandungi PFAS atau mempunyai paras Fluorin Organik Boleh Diekstrak (Extractable Organic Fluorines – EOF) yang menunjukkan kehadiran PFAS.

Jelas sekali, pelbagai jenis PFAS sering digunakan dalam tekstil seperti yang ditunjukkan oleh kajian yang mengenal pasti beberapa PFAS dalam produk tekstil. Ini termasuklah alkohol fluorotelomer (FTOHs), akrilat fluorotelomer (met) (FTACs/FMACs), asid karboksilik perfluoroalkil (PFCAs), asid karboksilik fluorotelomer (FTCAs), asid sulfonik perfluoroalkane (PFSAs), asid sulfonik fluorotelomer (FTSAs) dan PFSA derivatif. (contohnya, sulfonamide, sulfonamideoethanol).

Penggunaan PFAS dalam tekstil dan pakaian luar meningkatkan kedua-dua pencemaran alam sekitar dan pendedahan terhadap manusia kerana PFAS dibebaskan ke alam sekitar pada setiap peringkat kitaran hayat produk tekstil iaitu, semasa pengeluaran, penggunaan dan pelupusan akhir.

HARAMKAN BAHAN KIMIA PFAS SEBAGAI SATU KELAS

Memandangkan PFAS dikaitkan dengan pelbagai kesan buruk terhadap alam sekitar dan kesihatan, penggunaannya yang meluas menimbulkan cabaran berhubung dengan ekonomi kitaran. Apabila produk yang dirawat PFAS dikitar semula, PFAS boleh merebak secara tidak terkawal dan mencemarkan produk baharu, memanjangkan legasi toksik bahan kimia ini dan menjejaskan keupayaan untuk beralih kepada ekonomi kitaran yang bersih.

Kita perlu menghentikan pencemaran PFAS global dan mengelakkan bencana hak asasi manusia global. Untuk menjaga kesihatan pekerja, wanita dan kanak-kanak, pertubuhan-pertubuhan berkepentingan awam mencadangkan agar negara-negara menangani bahan kimia PFAS sebagai satu kelas dan mengharamkannya sama sekali. Ini akan mengurangkan prospek menggantikan satu jenis toksik PFAS dengan yang lain.



KALIS API BERBROMIN

SELAMAT ATAU BERBAHAYA?

APAKAH ITU KALIS API BERBROMIN (BFR)?

KALIS API BERBROMIN

(brominated flame retardants – BFR) adalah bahan kimia yang digunakan untuk mengurangkan bahan dari mudah terbakar dengan mengganggu proses pembakaran. BFR digunakan secara meluas dalam produk plastik dan busa sejak lama, termasuk dalam upholsteri perabot, tempat duduk kereta dan plastik, elektronik dan penambat bangunan.

BFR adalah subkelas daripada lebih 175 jenis bahan kimia kalis api yang biasa digunakan di pasaran dunia. Kalis api berbromin yang biasa termasuklah Eter Diphenil Polibromin (PBDE), tetrabromobisfenol A (TBBPA) dan heksabromosiklododekan (HBCD).

Penggunaan bahan kalis api telah meningkat dalam dua dekad terakhir dengan peningkatan penggunaan plastik dan polimer dalam elektronik dan pembinaan. PBDE dan bahan kalis api berbromin yang lain sering digunakan dalam pelbagai kegunaan, termasuk dalam penutup plastic televisyen, komputer, telefon bimbit dan peralatan pengguna kecil lain seperti pemanggang roti dan pengering rambut. Ia juga digunakan dalam wayar, kabel dan papan litar bercetak.

Pengeluaran dan penggunaan besar-besaran BFR pertama kali didorong oleh permintaan daripada industri perabot



**SESETENGAH
BAHAN KIMIA
KALIS API
ADALAH ANTARA
BAHAN KIMIA
PALING TOKSIK
YANG DIKETAHUI
DAN TELAH
DIHARAMKAN
DI SELURUH
DUNIA, TETAPI
BAHAN KIMIA
PENGANTI
SELALUNYA
MUNGKIN SAMA
BERBAHAYA.**

